



SIARAN MEDIA

WARGA KPKT BERSAMA SEMARAK BULAN KEMERDEKAAN TAHUN 2024

PUTRAJAYA, 7 Ogos 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menganjurkan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada hari ini bagi menyemarakkan lagi semangat warga KPKT dalam menzahirkan kecintaan kepada negara. Majlis pelancaran ini disempurnakan YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

Majlis pelancaran ini merupakan antara usaha KPKT dalam menyemarakkan semangat cintakan negara melalui pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan dalam kalangan warga KPKT. Selain daripada itu, ia juga mampu memperkukuhkan perpaduan dan semangat muhibah serta meningkatkan nilai-nilai murni selaras dengan tema kemerdekaan “Malaysia MADANI : Jiwa Merdeka”

Berikut merupakan aktiviti yang direncanakan oleh KPKT yang dikenali program Semarak Jiwa Merdeka@KPKT :

- i) Hiasan Keceriaan Merdeka;
- ii) Aktiviti Karya Merdeka;
- iii) Program Interaktif Minda Merdeka;
- iv) Program Cipta Puisi bertemakan “Malaysia MADANI, Jiwa Merdeka”;
- v) Tayangan Perdana Merdeka;
- vi) Ceramah Penghayatan Kemerdekaan dalam Islam;
- vii) Siaraya Kapsul Hari Ini Dalam Sejarah; dan
- viii) Program Eksplorasi Merdeka.

Menurut YB KM “KPKT sentiasa menyokong usaha-usaha menyemarak dan menyemai nilai patriotisme dalam kalangan rakyat dan amnya warga KPKT. Sesungguhnya jiwa merdeka yang kental membuktikan rasa cinta kita kepada negara dan rasa syukur kita dapat menikmati kehidupan yang aman di bawah pimpinan Kerajaan MADANI”

Dalam majlis ini, YB KM turut melancarkan sudut merdeka KPKT iaitu merupakan replika Menara Merdeka 118. Replika ini sabagai simbolik kepada pembangunan ketamadunan negara untuk terus kekal merdeka.

Turut hadir bersama ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah dan juga barisan pengurusan tertinggi KPKT.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

